

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1994/95

Oktober/November 1994

PLG 229 - Pendidikan Jasmani dan Kesihatan

Masa: [2 jam]

---

Arahan: Jawab **SEMUA** soalan.

1. "Kemenangan bukan segala-galanya, tetapi berjuang sedaya upaya untuk mencapai kemenangan merupakan sesuatu usaha yang murni". Bincangkan aspek-aspek penting seperti objektif, gaya atau stail dan ilmu kejurulatihan untuk memberi suatu kecerminan positif terhadap falsafah kejurulatihan ini.

[ 25 markah ]

2. Kecergasan fizikal merangkumi beberapa komponen yang berhubung dengan aspek-aspek kesihatan dan aspek-aspek kemahiran perlakuan motor. Terang dan bincangkan dengan jelas komponen-komponen tersebut.

[ 25 markah ]

3. Dalam tahun 1977 Jewett dan Mullan telah membentuk kerangka Kurikulum Proses Tujuan yang mengandungi tujuh sub bidang utama. Di antara bidang-bidang ini ialah keseimbangan Psikik iaitu manusia bergerak untuk mencapai integrasi pribadinya. Bincangkan tujuan-tujuan konsep utama yang disentuh dalam bidang ini.

[ 25 markah ]

4. Pergerakan Kreatif merupakan satu komponen dalam Kurikulum Pendidikan Jasmani dan Kesihatan. Bincangkan fungsi dan implikasinya dalam pendidikan.

[ 25 markah ]

---- 0000000000 ----

